

# Warga asing beratur beli petrol

Tular di media sosial video kejadian di stesen minyak di Sabak Bernam

Oleh MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR

## SUNGAI BESAR

**T**ular di media sosial Facebook rakaman video warga asing beratur membawa tong untuk membeli petrol di sebuah stesen minyak dipercayai di Sabak Bernam kelmarin.

Video berdurasi dua minit 45 saat itu memaparkan keadaan sebuah stesen minyak yang sesak dipenuhi warga asing dipercayai warga Bangladesh.

Dalam video itu menunjukkan warga asing terbabit berkumpul beramai-ramai membeli petrol dengan menaiki tiga bas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin berkata, pihaknya menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggu-



Video warga asing beratur membeli minyak petrol di sebuah stesen minyak dipercayai di Sabak Bernam tular di media sosial sejak kelmarin.

na (KPDNHEP) membuat pemantauan pengusaha stesen minyak yang menjual bahan bakar bersubsidi itu kepada warga asing.

“Penjualan minyak bersubsidi kepada warga asing terutama di kawasan terpencil yang jauh daripada kawasan pentadbiran dikhuatiri menyebabkan kerugian kepada negara.

“Sepatutnya minyak bersubsidi ini dinikmati dan diberi keutamaan kepada warga tempatan berbanding warga asing,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung penularan video penjualan minyak subsidi kepada warga asing secara besar-besaran itu.

Mohd Imran berkata, sekiranya perkara itu tidak dipantau, beliau bimbang minyak subsidi itu diseludup keluar dari negara ini dengan sewenang-wenangnya.

“Ini akan menyebabkan berlaku ketirisan terhadap subsidi yang diperuntukkan kerajaan untuk membantu rakyat negara ini,” katanya.